

Siaran Media Untuk Siaran Segera

PHB DAN MAM LANCAR APLIKASI MUDAH ALIH “MYAHB”

KUALA LUMPUR, 14 Mac 2023 - Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (MAM) hari ini mengumumkan pelancaran *myAHB*, sebuah aplikasi pelaburan generasi pertama PHB. Aplikasi ini direka untuk memberikan pengalaman pelaburan yang lebih baik dan cekap bagi pemegang unit Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) di seluruh negara dan ia boleh dimuat turun di App Store dan Google Play Store.

myAHB ialah sebuah platform digital yang mudah digunakan, pantas dan selamat. Pemegang unit AHB boleh menyemak pegangan semasa, melanggan unit baharu atau menebus unit mereka secara langsung, pada bila-bila masa. Aplikasi ini juga membolehkan pemegang unit menjejak transaksi pelaburan terkini dan memuat turun penyata akaun AHB mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PHB, Mohamad Damshal Awang Damit berkata, “Pelancaran aplikasi *myAHB* hari ini menandakan satu lagi kejayaan bagi PHB dalam usaha kami untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pemegang unit AHB. Perkhidmatan baharu ini telah melengkapi saluran pengedaran tradisional kami yang sedia ada iaitu melalui cawangan bank, justeru memberikan pemegang unit kami kemudahan tambahan dari segi fleksibiliti dan penjimatan kos dalam menjalankan urusan niaga mereka”.

Beliau juga berkata, “Perkhidmatan ini memberikan pemegang-pemegang unit kami kebebasan untuk menjalankan transaksi mereka pada bila-bila masa dan dari mana-mana lokasi”.

Tambahnya lagi, “Semasa membangunkan aplikasi ini, kami sama sekali tidak mengabaikan aspek keselamatannya. Kami amat memahami akan kebimbangan dan kewaspadaan orang ramai terhadap aspek keselamatan bagi aplikasi atas talian ini dan juga transaksi yang dibuat melaluinya”.

Buat masa ini, perkhidmatan ini hanya ditawarkan kepada pemegang unit AHB yang berdaftar dengan Maybank.

Selain daripada aplikasi *myAHB*, PHB dan MAM juga ingin mempelawa orang ramai untuk melayari laman sesawang *myAHB.my*. Ini merupakan laman sesawang rasmi khusus untuk berkongsi maklumat semasa yang berkaitan dengan dana AHB termasuk sejarah pengagihan pendapatan, prestasi dana dan kemas kini terperinci mengenai dana supaya para pelabur dapat mengawasi pelaburan mereka dan membuat keputusan pelaburan yang lebih baik.

-TAMAT-